

BAB TIGA

METODOLOGI DAN PROSEDUR KAJIAN

Bab ini terdiri daripada lima bahagian utama yang membincangkan tentang komponen kajian, subjek kajian, alatan kajian, prosedur kajian dan tempat kajian.

Komponen Kajian

Kajian ini terbahagi kepada dua komponen iaitu komponen membentuk Rancangan Pengajaran Individu (RPI) dan komponen melaksanakan RPI tersebut. Sebelum proses membentuk RPI dapat dilakukan, beberapa prosedur perlu dipatuhi. Bagi mendapatkan maklumat mengenai kedudukan pelaksanaan RPI dalam program pemulihan masa kini satu siri temubual tidak berstrukrur dan perbincangan tidak formal telah dijalankan dengan pensyarah-pensyarah Unit Pemulihan Institut Perguruan Darulaman (IPDA), Jitra. Temubual dan perbincangan juga telah dijalankan dengan guru-guru pemulihan di-beberapa buah sekolah yang dipilih, bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas. Dalam masa yang sama set ujian saringan telah dirangka dan dibuat ujian rintis.

Prosedur saringan dan diagnostik telah dijalankan dengan menggunakan set ujian binaan guru. Hasil analisis ujian-ujian ini digabungkan dengan maklumat latar belakang

murid untuk tujuan membentuk RPI. Data dan maklumat mengenai murid ini diperoleh melalui perbincangan berasingan dengan Guru Besar, Guru-guru Penolong Kanan dan guru kelas serta ibu bapa murid.

Setelah RPI dibentuk, satu siri pengajaran telah dijalankan bagi melaksanakan RPI tersebut. Komponen pelaksanaan RPI ini merupakan teras bagi kajian ini. Melalui teknik eksperimen mengajar ini, pengkaji berusaha membentuk pecahan-pecahan kemahiran kepada unit-unit yang kecil dan mengubahsuai analisis tugas apabila murid menghadapi kesukaran mengikuti pengajaran pemulihan.

Subjek Kajian

Bagi tujuan eksperimen pengajaran, seorang murid dipilih daripada sekumpulan lima orang murid tahun empat yang sedang mengikuti program pemulihan. Murid-murid ini telah dikenalpasti oleh pihak sekolah sebagai murid yang mempunyai satu atau lebih aspek kekusutan dalam mata pelajaran asas.

Satu ujian saringan dijalankan ke atas murid-murid tersebut. Selepas hasil ujian dianalisis, seorang murid yang dikenalpasti mempunyai kelemahan yang ketara dalam 'operasi tambah, tolak, darab dan bahagi' telah dipilih sebagai subjek kajian. Kriteria berikut menjadi asas pemilihan subjek kajian:

1. Pelajar tahun empat dipilih kerana murid-murid pada peringkat ini telah mempelajari konsep asas operasi tambah, tolak, darab dan bahagi, dan sepatutnya telah menguasai kemahiran-kemahiran yang berkaitan. Sebarang kekusutan akan menyebabkan kerencatan dalam proses pembelajaran matematik pada masa depan.
2. Murid yang mempunyai kelemahan dalam operasi asas dalam aritmetik dipilih kerana dalam masa enam minggu dijangka satu siri pengajaran operasi tambah, tolak, darab dan bahagi yang dirangka berdasarkan RPI yang dibina akan dapat merangkumi kemahiran-kemahiran yang sewajarnya dikuasai oleh murid.
3. Murid yang dipilih mempunyai ciri-ciri kelemahan dalam bidang operasi, sebagaimana yang telah dibincangkan dalam Bab Dua. Dengan itu satu pengajaran terancang berdasarkan modul yang dibentuk dijangka dapat digunakan dengan berkesan bagi membantu murid mengatasi kerencatan dalam penyelesaian operasi tambah, tolak, darab dan bahagi.

Alatan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk membentuk RPI dan seterusnya memindahkan kandungan RPI kedalam bentuk strategi pengajaran melalui eksperimen mengajar di bilik pemulihan.

Satu set ujian saringan digunakan bagi mengenalpasti bidang masalah yang dihadapi oleh murid (rujuk Lampiran 1). 'Set ujian binaan guru' ini dibina dengan cara mengubahsuai set ujian saringan matematik yang biasa digunakan oleh guru-guru pemulihan di sekolah-sekolah. Kemahiran yang diuji adalah berdasarkan sebahagian kurikulum matematik tahun dua (KBSR). Satu ujian rintis telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Tanah Merah, Pendang, Kedah pada 11 September 1993. Ujian tersebut melibatkan lima orang murid biasa dan lima orang murid pemulihan (dari tahun 4). Hasilnya didapati murid-murid normal yang dipilih secara rawak dapat menjawab soalan yang diberi dengan markah minimum 90 peratus. Sementara murid-murid pemulihan mendapat markah antara 20 hingga 60 peratus. Melalui ujian rintis diatas, kesesuaian arahan dan kandungan set ujian telah dikemaskini.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Satu set ujian diagnostik (rujuk Lampiran 2) pula digunakan bagi tujuan mengenalpasti punca kelemahan murid. Set ujian ini menjurus kepada mengesan punca kelemahan. Set ujian diagnostik ini dibina setelah subjek dikenalpasti.

Selain itu, maklumat-maklumat juga diperoleh daripada guru kelas, guru pemulihan dan ibu bapa. Kaedah temubual tidak berstruktur dan perbincangan digunakan bagi tujuan tersebut. Data dan maklumat yang diperoleh dientatkan dalam borang persediaan RPI (rujuk Lampiran 3).

Dalam proses membentuk RPI, beberapa borang lain juga diperlukan. Untuk mendapatkan satu RPI yang lebih sistematik dan mudah alih dalam strategi pengajaran, borang-borang berikut turut digunakan:

i. Borang komponen RPI.

ii. Borang penilaian.

(Senarai semak kurikulum dan carta kemajuan murid).

iii. Borang pelaksanaan individu.

iv. Borang format RPI.

(rujuk Lampiran 4).

Borang-borang di atas disediakan dengan mengubahsuai borang-borang yang digunakan di negara maju.

Prosedur Kajian

Prosedur dalam kajian ini tidak mengambil kesemua prosedur RPI sebagaimana yang dibincangkan dalam Bab Dua. Penglibatan ibu bapa dan guru-guru lain secara langsung dalam proses membentuk dan melaksanakan RPI ini dikira masih tidak realistik dalam konteks semasa pendidikan di Malaysia. Dengan kata lain, RPI dalam kajian ini adalah merupakan satu alternatif yang relevan kepada situasi pendidikan yang sedia diamalkan untuk tujuan pemulihan. Kemudahan-kemudahan dan juga jumlah masa pengajaran adalah mengikut kaedah yang normal. Jadi RPI dibina sebagai

prosedur khusus berlandaskan suasana yang normal dengan mengambilkira maklumat-maklumat terperinci yang diperoleh melalui urutan-urutan langkah dan tindakan yang sistematik dan konsisten. Antara beberapa perkara penting diberi penekanan dalam proses membentuk RPI ini termasuklah ujian saringan, ujian diagnostik, analisis ujian, analisis tugas serta penilaian kemajuan murid sebagaimana disarankan oleh Ling (1985) yang telah dibincangkan dalam Bab Dua laporan ini. Tidak kurang penting juga prosedur merekod maklumat secara tepat dan ringkas serta mudah dirujuk.

Analisis bagi ujian saringan dijadikan asas kepada tahap dan bentuk soalan dalam set ujian diagnostik. Sementara hasil analisis ujian diagnostik pula digunakan sebagai teras kepada pembinaan RPI iaitu berdasarkan data analisis ini, satu pendekatan dipilih untuk memulakan strategi pengajaran. Di sepanjang tempoh pengajaran-pembelajaran selama enam minggu, diagnosis yang berterusan dibuat bagi mengesan kelemahan-kelemahan murid yang tidak dapat dikesan pada peringkat awal dalam ujian diagnostik. Beberapa kaedah praktikal sebagaimana dicadangkan oleh Khoo (1978) dipraktikkan oleh pengkaji bagi tujuan tersebut. Kaedah yang dimaksudkan ialah pemerhatian semasa murid belajar, menyoal murid dengan soalan-soalan khusus, menganalisis hasil kerja bertulis murid dan ujian penilaian yang berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa.

Sebelum kajian dijalankan, penulis terlebih dahulu

mendapatkan kebenaran pihak Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah dan guru yang mengendalikan program pemulihan untuk memilih calun subjek kajian. Seramai lima orang murid dipilih untuk tujuan ujian matematik. Penekanan dalam set ujian ini dibuat kepada aspek kemahiran berkaitan operasi-operasi dalam aritmetik. Ujian dibuat pada 18 Januari 1994. Selepas itu, seorang murid paling lemah dalam operasi-operasi di atas dipilih untuk tujuan eksperimen pengajaran. Kemudian satu set ujian diagnostik dirangka bagi mengesan punca kelemahan yang dihadapi oleh subjek kajian.

Selepas semua maklumat yang diperlukan diperoleh, maka RPI dibentuk oleh pengkaji disusuli dengan satu ujian pra. Ujian pra ini kemudiannya disusuli oleh satu eksperimen mengajar untuk tempoh enam minggu. Satu modul tidak formal dijadikan asas eksperimen. Modul ini disusun agar dapat diubahsuai apabila perlu selaras dengan keperluan dan tahap kemajuan subjek kajian. Objektif eksperimen ini untuk membimbing subjek dalam aspek operasi tambah, tolak, darab dan bahagi sehingga mencapai tahap kemahiran yang dijangka-kan dalam objektif pengajaran. Senarai semak kurikulum digunakan bagi mencatat tahap kemahiran yang telah dicapai oleh subjek dari semasa ke semasa.

Hasil eksperimen dianalisis dengan menggunakan gabungan prosedur diskriptif dan etnografi. Hasil penilaian akan dicatat ke dalam borang-borang dan buku log harian. Satu

ujian pos dijalankan ke atas subjek pada akhir minggu ke-6 (menggunakan set ujian pra) bagi membandingkan hasil akhir eksperimen. Berdasarkan ini, pengkaji mengambil langkah-langkah yang perlu dan membuat cadangan-cadangan yang wajar dengan mengambilkira kekurangan yang terdapat sepanjang kajian.

Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Hulu Klang, Selangor. Sekolah ini merupakan Sekolah Rendah Bantuan Penuh Kerajaan. Ketentuan lokasi ini dibuat berdasarkan kepada kedudukan sekolah ini yang berada di pinggir bandar (antara kawasan bandar dan luar bandar) iaitu murid-muridnya mempunyai latar belakang status sosio ekonomi yang berbeza. Oleh sebab sistem pendidikan di Malaysia merupakan sistem yang berpusat, maka sekolah ini tidak jauh sifatnya dengan mana-mana sekolah rendah yang lain di negara ini.